

18 DEC 1999

DEWAN RAKYAT AKAN BAHAS SEPARUH ANGGARAN BELANJAWAN 2000 PADA ISNIN

PUTRAJAYA, 18 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sidang Dewan Rakyat pertama selepas pilihan raya umum baru-baru ini, akan membahas dan meluluskan separuh daripada anggaran belanjawan tahun 2000.

Perdana Menteri berkata Belanjawan 2000 akan dibahaskan sepenuhnya sekali lagi pada bulan Februari.

"Semua kertas yang akan dibahas ada kaitan dengan Kementerian Kewangan kerana kita perlu meluluskan separuh anggaran Belanjawan 2000," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat pra-majlis Barisan Nasional sebelum persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara di sini hari ini.

Dewan Rakyat akan bersidang selama empat hari mulai Isnin diikuti dengan persidangan Dewan Negara.

-- BERNAMA

MAM RON